

SISTEM PENGURUSAN PESAN HANTAR EMPAYAR LACIKTEN

Mohamad Rahimi Bin Sh Ab Razak

Mohammad Faizul Nasrudin

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

Abstrak

Perniagaan pesan hantar semakin berkembang pesat di Malaysia, terutamanya melibatkan pelajar dan suri rumah untuk menjana pendapatan sampingan atau sepenuh masa secara maya. Sebagai pesan hantar, mereka hanya perlu mempromosikan produk dan akan mendapat sedikit komisen atau keuntungan dari pembekal jika terdapat pembeli yang membeli produk mereka. Para pesan hantar juga tidak perlu mengeluarkan sebarang kos penghantaran atau mempunyai kedai untuk menyimpan barang atau produk. Penggunaan kaedah perniagaan pesan hantar semakin meningkat setiap hari dan turut menyebabkan pengurusan produk di peringkat pembekal menjadi tidak teratur kerana banyaknya pesanan yang diberikan oleh pesan hantar. Oleh itu, laman web ini dibangunkan untuk memberikan jaminan pengurusan yang sistematik yang mudah diakses oleh para pembekal dan pesan hantar. Pembangunan sistem pesan hantar turut dapat mengelakkan isu kesilapan seperti isu menyusun, mengepos serta pemilihan produk agar kualiti pengurusan sesebuah syarikat terjamin. Tinjauan juga dilakukan bagi mengumpulkan maklum balas pengguna tentang laman web yang bakal dibina. Antaranya, pengguna mahu paparan yang digunakan mudah difahami dan sistematik. Dengan ini, laman web yang dibangunkan merupakan suatu alternatif yang dapat menambahbaik kaedah atau sistem pengurusan pesan hantar yang digunakan sebelum ini sejajar dengan kemajuan teknologi pada masa hadapan.

Kata Kunci : [Pesan Hantar, Pemesan Hantar, Laman Web, Empayar Lacikten]

Pengenalan

Wabak jangkitan *coronavirus* atau lebih dikenali sebagai COVID 19 telah merebak secara meluas di seluruh dunia termasuk Malaysia. Wabak yang mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di Wuhan, China telah mewajibkan kerajaan untuk melakukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia yang menyebabkan aktiviti perniagaan terpaksa berubah dan bergantung seratus peratus secara atas talian. Disebabkan itu, semua pemilik perniagaan termasuk pengurus Empayar Lacikten perlu berfikir bagaimana untuk mempelbagaikan perniagaan serta mengalihkan kaedah berinteraksi dengan pelanggan melalui perniagaan digital. Empayar Lacikten merupakan sebuah syarikat yang membekalkan pakaian dewasa mahupun kanak-kanak tidak kira lelaki atau pun perempuan. Terma perniagaan digital kembali hangat diperkatakan di seluruh dunia termasuk Malaysia kerana sektor ini mampu mempercepatkan pembangunan ekonomi global, meningkatkan produktiviti industri-industri sedia ada, mencambah pasaran baharu dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Menurut surat khabar Utusan Malaysia pada 12 September 2021, ketika pandemik Covid-19 melanda negara China banyak pengusaha atau pemilik perniagaan di sana berjaya meningkatkan pelaburan dalam perniagaan digital sebanyak 10 hingga 30 peratus. Sebelum pandemik Covid-19 melanda negara, ekonomi digital di Malaysia juga tidak kurang hebatnya kerana Malaysia berada pada kedudukan yang baik jika dibandingkan dengan negara-negara Asia Tenggara lain seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand. Menurut Datuk Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, aktiviti jual beli dalam talian merekodkan lonjakan yang luar biasa dengan peningkatan sebanyak 28.9 peratus pada April 2020 manakala jualan secara francais mengalami kemerosotan pendapatan yang sangat ketara. Ini menjadikan ramai pengusaha atau

pembekal beralih ke perniagaan digital susulan penularan wabak COVID-19 sejak akhir Disember 2019 lalu sehingga kini.

Setelah melihat peningkatan ekonomi digital yang ketara ketika pandemik Covid-19 maka terhasilnya suatu idea dari sesetengah pengusaha perniagaan untuk melakukan perniagaan atau bisnes secara pesan hantar atau lebih dikenali sebagai *dropship*. Konsep perniagaan pesan hantar adalah satu model bisnes yang mana para pemesan hantar tidak perlu memegang produk dan menguruskan hal penghantaran. Mereka hanya perlu mempromosikan produk dan mendapat sedikit keuntungan atau komisen yang diberikan pembekal jika terdapat pembeli yang membeli produk mereka.

Perniagaan secara pesan hantar menjadi semakin meningkat saban hari di Malaysia melibatkan para suri rumah dan mahasiswa atau mahasiswi universiti tempatan bagi menjana pendapatan untuk menampung perbelanjaan. Perniagaan secara pesan hantar bukan sahaja dapat menguntungkan para pembekal malah para pemesan hantar juga dapat menikmati hasil yang banyak jika mereka berjaya mendapatkan jumlah pelanggan yang banyak. Pada 6 Mac 2022, Harian Metro telah mengeluarkan satu berita tentang seorang wanita bernama Nurul Atiqah Kamaruzaman yang berjaya memperoleh keuntungan jutaan ringgit hasil menjadi pemesan hantar bagi sebuah produk tempatan.

Walaupun sistem ini sudah sekian lama digunakan di Malaysia, namun masih ramai pengusaha produk menggunakan cara yang konvensional atau manual bagi mengambil pesanan produk dari para pemesan hantar termasuk syarikat Empayar Lacikten. Kebiasaannya, mereka mencatat setiap pesanan produk di kertas atau menggunakan Microsoft Word serta Microsoft Excel. Hal ini menjadikan banyak kesilapan seperti

kecikiran pesanan bakal dibuat berpunca daripada kesilapan individu. Risiko untuk berlakunya kesilapan meningkat apabila bilangan pemesan hantar semakin ramai kerana semakin banyak pesanan produk yang masuk.

Selain itu, sistem pesan hantar yang konvensional tidak relevan pada masa kini kerana maklumat produk yang disampaikan amatlah rumit dan terhad. Hal ini kerana, para pemesan hantar tidak dapat mengetahui bilangan sebenar produk yang masih tinggal sebelum mereka mendapatkan pelanggan dan meminta pembekal bagi tujuan penghantaran. Ini merugikan para pemesan hantar jika mereka melaburkan duit yang banyak untuk pengiklanan namun diberitahu produk yang dipesan pelanggan tidak mempunyai stok. Selain itu, dengan menggunakan cara sistem pesan hantar yang lama, para pemesan hantar tidak dapat mengetahui sama ada produk yang dipesan oleh pelanggan sudah dipos atau belum. Mereka biasanya terpaksa *Whatsapp* atau menelefon pembekal beberapa kali untuk memastikan produk yang dipesan sudah hantar.

Di samping itu, sistem pesan hantar yang konvensional amatlah sukar untuk mendapatkan maklum balas daripada pembekal sekiranya produk yang dihantar koyak atau kualitinya tidak memuaskan. Sebagai contoh, jika pelanggan mengadu tidak berpuas hati dengan kualiti produk yang dihantar, pemesan hantar perlu menunggu masa yang agak lama untuk mendapatkan respon daripada pembekal. Ini menyebabkan kemarahan oleh pelanggan sekiranya mereka tidak dapat respon yang segera daripada penjual.

Oleh itu, sistem ini dibangunkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengenalpasti keperluan dalam pembangunan sistem pengurusan pesan hantar dan membangunkan sistem pengurusan pesan hantar yang lebih teratur dan sistematik bagi

memastikan kualiti syarikat lebih terjamin serta dapat menguji sistem web pengurusan sistem pesan hantar ini di kalangan pemesan hantar bagi produk Empayar Lacikten.

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan bagi menghasilkan sistem pengurusan pesan hantar Empayar Lacikten adalah metodologi tangkas (*Agile Methodology*). Metodologi ini dipilih bagi membangunkan sistem kerana sistem dibangunkan dalam masa yang singkat. Selain itu, metodologi ini juga membenarkan perubahan berlaku semasa proses pembangunan sistem serta memberi ruang untuk memperbaiki kelemahan sistem dari semasa ke semasa bagi mengurangkan risiko kegagalan. Pada fasa permulaan, analisis dibuat bagi menentukan keperluan yang perlu ada dalam sistem laman web. Masalah yang berkaitan dengan projek yang akan dibangunkan dikenal pasti. Penentuan tajuk dan kaedah bagi membina sistem dibuat. Pada fasa kedua, sistem direka bentuk sebagai gambaran awal sistem yang diinginkan oleh pelanggan dan menjadi panduan seni bina laman web bagi memudahkan membangunkan sistem. Tinjauan dilakukan untuk mengumpulkan maklum balas pengguna mengenai paparan yang dirancang yang terdiri daripada pemesan hantar Empayar Lacikten bagi memastikan paparan yang dirancang mudah difahami dan mesra pengguna.

Fasa yang seterusnya pula ialah fasa pembangunan sistem laman web mengikut keperluan yang dimahukan oleh pelanggan serta reka bentuk yang telah ditetapkan. Setelah sistem siap sepenuhnya, pengujian sistem dilakukan bagi memastikan bahawa sistem laman web yang dibina dapat memenuhi keperluan pengguna. Pengujian turut dilaksanakan untuk memastikan tiada ralat dan pepijat semasa penggunaan sistem laman web. Maklum balas daripada pengguna dicatat dan seterusnya penambahbaikan akan dijalankan. Fasa yang terakhir ialah penilaian. Tujuan proses ini dilakukan bagi memastikan pengguna berpuas


hati dengan sistem yang dibina. Proses ini berulang sehingga pengguna berpuas hati dengan sistem laman web yang dibina.

Keputusan dan Perbincangan

Keputusan hasil pengujian sistem adalah penting untuk membuktikan kebolegunaan sistem. Pada bahagian ini, analisis statistik berdasarkan respon tinjauan soal selidik akan dilakukan. Sebagai keputusan pengujian, analisis statistik bagi aspek kecekapan pembelajaran, kebolegunaan, kemudahan kegunaan, kepuasan antara muka dan kepuasan sistem dijalankan.


a. Kebolegunaan

Aspek pertama yang diuji adalah tahap kebolegunaan sistem ini kepada pengguna. Faktor ini penting untuk memahami maklum balas pengguna terhadap tahap kebergunaan Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten. Rajah 1.0 hingga rajah 1.2 menunjukkan rekod kebolegunaan sistem ini.




Rajah 1.0 Rekod Kebolegunaan Sistem dalam menguruskan pesanan

Berdasarkan rekod di atas, seramai 9 orang responden yang mewakili 60% bersetuju dengan memilih nilai yang paling tinggi bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten dapat membantu menguruskan pesanan yang diterima oleh syarikat. 5 orang responden juga memilih nilai 4 bagi kebergunaan sistem ini untuk menguruskan pesanan manakala hanya seorang sahaja yang memilih nilai 3.



Rajah 1.1 Rekod Kebolegunaan Sistem dalam membantu pemesan hantar membuat pesanan

Sebagaimana yang dinyatakan dalam tinjauan di atas, sembilan daripada mereka yang menjawab, yang mewakili 60% daripada tinjauan, bersetuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten boleh membantu pemesan hantar dalam mengendalikan pesanan yang diterima dengan lebih berkesan. Lima daripada mereka juga memberikan nilai empat kepada keupayaan sistem untuk membantu pemesan hantar manakala hanya seorang individu memberikan nilai dua.




Rajah 1.2 Rekod Kebolegunaan Sistem dalam membantu pemesan hantar mendapatkan maklumat

8 orang atau 53.3% daripada responden 60% pengguna memilih 5, nilai paling tinggi dalam soal selidik, menunjukkan bahawa kebanyakan mereka mengakui bahawa sistem ini dapat membantu pemesan hantar mendapatkan maklumat dengan mudah manakala selebihnya memilih nilai 4.


b. Kemudahan Kegunaan

Aspek kedua yang diuji adalah tahap kemudahan sistem ini kepada pengguna. Faktor ini penting kerana pengalaman pengguna yang baik adalah kunci keberhasilan Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten. Rajah 1.3 dan rajah 1.4 menunjukkan rekod kemudahan kegunaan sistem ini.



Rajah 1.3 Rekod Kemudahan Sistem dalam membantu pengguna menggunakannya tanpa panduan.

Sistem Pengurusan Pesanan Hantar Empayar Lacikten mempunyai potensi untuk membantu pemesan hantar dalam menggunakan sistem tersebut tanpa panduan. Dalam tinjauan yang dilakukan, 11 responden setuju dengan pernyataan ini, yang mewakili 73.3% dari jumlah responden. Dua responden memberikan nilai empat untuk kemudahan sistem dalam membantu pemesan hantar. Ini menunjukkan bahwa mereka melihat sistem tersebut efektif dalam membantu mengelola pesanan yang diterima.




Rajah 1.4 Rekod Kemudahan Sistem dalam membantu pengguna menggunakannya dengan mudah

Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten memiliki potensi untuk membantu pemesan hantar dalam mengelola pesanan yang diterima secara lebih mudah dan efisien. Seramai 10 orang responden memilih nilai 5 yang berpendapat bahawa sistem yang dibangunkan ini dapat digunakan dengan mudah. 4 orang responden memilih nilai 4 dan hanya seorang responden memilih nilai 3.

c. Kecekapan Pembelajaran


Aspek ketiga yang diuji adalah tahap kecekapan pembelajaran sistem ini kepada pengguna. Faktor ini penting kerana dengan adanya sistem yang efisien, pengguna dapat mencapai tujuan mereka dengan lebih cepat dan mudah. Rajah 1.5 hingga rajah 1.7 menunjukkan rekod kecekapan pembelajaran sistem ini.



Rajah 1.5 Rekod Kecekapan Pembelajaran Sistem dalam membantu pengguna menguasai dengan cepat


Seperti yang dinyatakan dalam tinjauan di atas, tujuh daripada mereka yang menjawab, bersetuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten boleh dikuasai dengan cepat dan mudah. Faktor ini juga dipengaruhi oleh kemudahan sistem yang dapat membantu

pengguna menggunakannya dengan mudah tanpa panduan. Selain itu, lima responden memberikan nilai empat untuk tingkat penguasaan Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten



Rajah 1.6 Rekod Kecekapan Pembelajaran Sistem dalam membantu pengguna memasukkan input dengan mudah

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, sepuluh orang responden setuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten dapat membantu pengguna memasukkan input dengan cepat dan mudah. Faktor ini dipengaruhi oleh kemudahan sistem yang memungkinkan pengguna untuk menggunakannya dengan mudah. Ini menunjukkan bahawa antara muka sistem ini intuitif dan mudah dipahami oleh pengguna. Dua orang responden memberikan nilai 4. Pemberian nilai empat menunjukkan bahawa pengguna merasa yakin dan kompeten dalam mengoperasikan sistem.




Rajah 1.7 Rekod Kecekapan Pembelajaran Sistem dalam membantu pengguna mengingati cara penggunaan sistem ini dengan mudah

Sembilan daripada orang yang mengambil tinjauan bersetuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten mudah diingat cara penggunaannya. Faktor ini dipengaruhi oleh kemudahan sistem, yang menjadikannya mudah untuk pengguna untuk mengingati cara penggunaan sistem ini. Empat daripada mereka yang menjawab memberikan nilai empat. Nilai empat menunjukkan bahawa pengguna merasa juga sistem ini dapat diingat dengan mudah.


d. Kepuasan Antara Muka

Aspek keempat yang diuji adalah tahap kepuasan antara muka sistem ini kepada pengguna. Kepuasan antara muka sistem juga berperanan penting dalam penerimaan pengguna terhadap sistem ini. Jika pengguna merasa puas dengan pengalaman menggunakan sistem, mereka lebih cenderung menggunakan secara terus-menerus. Sebaliknya, jika antara muka sistem tidak mempunyai antara muka yang menarik, pengguna mungkin enggan untuk menggunakan sistem ini. Rajah 1.8 dan rajah 1.9 menunjukkan rekod kepuasan antara muka sistem ini.



Rajah 1.8 Rekod Kepuasan Antara Muka dalam menyediakan reka bentuk sistem yang menarik.

Menurut tinjauan yang dijalankan, sebanyak 33.3% atau lima orang responden setuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten mempunyai reka bentuk yang menarik. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh kegunaan warna sistem tersebut. Ini menunjukkan bahawa antara muka sistem ini intuitif dan mudah dipahami oleh pengguna. Lapan orang responden atau 53.3% memberikan nilai 4. Pemberian nilai empat menunjukkan bahawa pengguna merasa sistem ini selesa digunakan oleh mereka kerana mempunyai antara muka yang menarik.




Rajah 1.9 Rekod Kepuasan Antara Muka dalam menyediakan warna sistem yang menarik

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, sebanyak 40% atau enam orang responden setuju bahawa Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten memiliki warna yang menarik. Tujuh orang responden atau 46.7% memberikan nilai 4 untuk kegunaan warna sistem ini. Pemberian nilai empat menunjukkan bahawa pengguna merasa sistem ini memiliki antara muka yang menarik. Ini menunjukkan bahawa warna sistem dapat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kepuasan pengguna.

e. Kepuasan Sistem

Aspek kelima yang diuji adalah tahap kepuasan sistem ini kepada pengguna. Kepuasan sistem terhadap pengguna berperanan penting mengukur tahap atau nilai sistem yang dibangunkan ini. Jika sistem memberikan respons yang baik, cepat, dan sesuai dengan harapan pengguna, pengguna akan merasa seronok dan teruja untuk menggunakan sistem tersebut. Hal ini dapat meningkatkan kepuasan dan kepercayaan pengguna terhadap sistem, serta menciptakan hubungan yang baik antara pengguna dan sistem. Kepuasan sistem ini juga dipengaruhi oleh aspek seperti warna, gaya tulisan dan kemudahan yang disediakan oleh sistem. Rajah 1.10 menunjukkan rekod kepuasan sistem ini.



Rajah 1.10 Rekod Kepuasan Pengguna dalam keselesaan menguruskan pesanan

Tinjauan menunjukkan bahawa enam daripada orang yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini berpuas hati dan selesa menggunakan Sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten dalam mengendalikan pesanan yang diterima dengan lebih cekap. Ini mewakili 40.0% daripada jumlah responden yang disoal selidik. Tambahan pula, tujuh responden memberikan nilai empat kepada keselesaan dalam membantu pemesan hantar menguruskan pesanan. Walau bagaimanapun, dua individu memberikan nilai tiga, menunjukkan tahap kepuasan yang lebih rendah terhadap keselesaan mereka dalam menggunakan sistem ini.

Kesimpulan

Pembangunan sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten telah melepasi semua fasa yang telah dirancang. Sistem ini dibangunkan kerana terdapat beberapa isu atau masalah yang ditemui dalam sistem yang sedia ada berdasarkan kajian yang dilakukan. Antaranya, tiada sistem pesanan produk dari pemesan hantar yang teratur, kekurangan informasi produk serta masalah berkaitan dengan layanan pelanggan. Selain itu, spesifikasi reka bentuk dari seni bina, pangkalan data, antara muka dan proses turut dijalankan mengikut kemahuan Pengurus

Empayar Lacikten yang merupakan pihak berkepentingan bagi sistem ini. Untuk pangkalan data, MySQL akan digunakan, dan entiti serta atribut yang diperlukan telah ditentukan.

Bagi fasa pembangunan, pembangunan sistem ini berjalan lancar atas reka bentuk yang dikemukakan. Keperluan dan fungsi setiap pengguna telah dibangunkan mengikut kes guna yang telah dicadangkan. Hasil pengujian kes guna menunjukkan setiap kes guna atau fungsi sistem berfungsi dengan lancar. Pengujian kebolegunaan juga menemui 15 maklum balas pengguna yang terdiri daripada pemesan hantar syarikat Empayar Lacikten. Sistem ini telah dibangunkan dengan memenuhi objektif utama iaitu membangunkan sistem pengurusan pesan hantar yang lebih teratur dan sistematik bagi memastikan kualiti syarikat lebih terjamin. Oleh itu, sistem ini sedia digunakan oleh Syarikat Empayar Lacikten pada masa akan datang.

Antara kekangan yang diperolehi dalam pembangunan sistem Pengurusan Pesan Hantar Empayar Lacikten adalah ketidakupayaan untuk mewujudkan fungsi tambahan seperti notifikasi kepada pentadbir apabila pesanan diterima dan mempunyai pilihan bahasa yang boleh digunakan. Fungsi tambahan ini tidak dapat dibina disebabkan kekangan masa dan isu teknikal projek. Selain itu, pengguna yang iaitu pemesan hantar Syarikat Empayar Lacikten juga perlu menggunakan Bahasa Inggeris kerana sistem ini tidak dipenuhi dengan fungsi menukar ke bahasa lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan sebagainya.

Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan pada masa depan ialah mewujudkan notifikasi kepada pentadbir sekiranya pesanan diterima dan memberikan pengguna pilihan bahasa yang boleh digunakan. Dalam mewujudkan fungsi notifikasi, sistem perlu diprogram untuk menghantar notifikasi kepada pentadbir setiap kali pesanan diterima. Notifikasi ini boleh diteruskan melalui e-mel, mesej teks, atau melalui aplikasi khusus yang digunakan oleh pentadbir. Dengan menerima notifikasi, pentadbir dapat segera bertindak balas kepada pesanan yang diterima, meningkatkan kecekapan dan kecepatan dalam pengurusan pesanan.

Di samping itu, sistem ini juga perlu memberikan pengguna pilihan bahasa yang boleh digunakan. Ini dapat dicapai dengan menyediakan menu pilihan bahasa yang jelas dan mudah diakses pada antara muka pengguna. Apabila pengguna memilih bahasa yang dikehendaki, sistem perlu mengubah semua elemen antara muka, termasuk teks, pemberitahuan, dan pesan, ke bahasa yang dipilih. Dengan adanya pilihan bahasa ini, pengguna akan merasa lebih selesa dan dapat menggunakan sistem dengan lebih efektif dalam bahasa yang mereka fahami dengan lebih baik.

Secara keseluruhan, sistem ini mempunyai potensi yang besar untuk dipasarkan pada masa akan datang. Hal ini kerana perniagaan secara pesan hantar ini merupakan satu kaedah perniagaan yang semakin popular di Malaysia. Sistem ini menyediakan suatu platform bagi memberi jaminan pengurusan pesanan menjadi lebih sistematik dan teratur. Dengan cara ini, kualiti pengurusan bagi sebuah syarikat dalam menguruskan pesanan dapat dijaga dengan lebih baik.

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya, saya dapat menyiapkan laporan projek tahun akhir ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Assoc. Prof. Dr. Mohammad Faidzul Nasrudin, selaku penyelia saya kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada saya dalam melaksanakan laporan projek tahun akhir ini. Beliau memberikan sokongan dan bimbingan yang sangat membantu sepanjang membuat perancangan awal untuk membina projek ini. Beliau juga memberikan nasihat dan sokongan yang sangat baik mengenai isu-isu yang saya hadapi, tidak terhad kepada perancangan projek tetapi dalam semua aspek.

Jutaan terima kasih juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya kerana menjadi pendorong yang tidak henti-hentinya dalam mendukung dan mendorong saya untuk menyelesaikan projek tahun akhir ini. Tanpa dukungan, dorongan, dan cinta mereka, saya tidak akan mampu mencapai apa yang saya capai hari ini. Saya amat bersyukur memiliki keluarga yang selalu ada untuk saya, memberikan semangat dan motivasi untuk melangkah maju. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang telah memberikan bantuan tak ternilai pada saat yang diperlukan. Dalam perjalanan menuju penyelesaian projek ini, mereka telah bersedia memberikan nasihat, dorongan moral serta sumbangan waktu dan tenaga.

Akhir kata, saya ingin memohon maaf atas segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam penulisan ilmiah mahupun projek ini sendiri. Sekian, terima kasih.

Rujukan

Anon.2022. Mula bisnes sebagai dropship, kini raih untung berjuta, 6 Mac.

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/03/817637/mula-bisnes-sebagai-dropship-kini-raih-untung-berjuta> [12 November 2022]

Centre For Entrepreneur Development And Research (CEDAR) Sdn Bhd. 2021. Teknologi Digital Dalam Perniagaan. <https://www.cedar.my/business-tips-for-sme/155-teknologi-digital-dalam-perniagaan.html> [19 November 2022]

Dr.S.S.Mule & Mr.Yashwant Waykar. 2015. Role of Use Case Diagram in Software Development.https://www.researchgate.net/publication/322991847_role_of_use_case_diagram_in_software_development [9 Disember 2022]

Department Of Statistics Official Portal. 2021. Pendapatan Transaksi E-Dagang Melonjak 30.0 peratus pada Suku Tahun Pertama 2021. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/7.%20Julai/ICT%20edagang-%20combine.pdf [24 November 2022]

Fauziah Md Arof. 2021. Ekonomi digital pulihkan negara, 12 September.

<https://www.utusan.com.my/rencana/2021/09/ekonomi-digital-pulihkan-negara/> [12 November 2022]

Hamizah Basir. 2 Ogos 2022. Kumoten diiktiraf Malaysia Book of Records sebagai platform dropship terbesar.

<https://www.sinarharian.com.my/article/214353/berita/nasional/kumoten-diiktiraf-malaysia-book-of-records-sebagai-platform-dropship-terbesar> [21 November 2022]

Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. 2021. Faktor Golongan Muda Malaysia Membeli Dalam Talian : Satu Tinjauan Awal.

<http://journalarticle.ukm.my/17736/1/49486-160730-1-SM.pdf> [22 November 2022]

Norazila Mat, Nurmaizura Marzuki, Jamsari Alias & Nur Atiqah Abdullah. 2016. Penglibatan Mahasiswa dalam E-Dagang: Kajian Kes di UKM.

http://journalarticle.ukm.my/10893/1/Artikel-7_Norazila-Mat_FEP.pdf [23 November 2022].

Norhaniza Md Akhir, Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman, Zaidatul Husna Mohd Isnani, Dr. Nurazilah Zainal, Nur Alia Amirnordin & Hilwana Abd Karim. 2020. Teknologi Dalam Perniagaan.

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/64994/1/64994.pdf> [19 November 2022]

Rafidah Mat Ruzki. 2020. Jualan dalam talian meningkat 28.9 peratus pada April, 19 Jun.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/701902/jualan-dalam-talian-meningkat-289-peratus-pada-april> [12 November 2022]

Safura Ahmad Sabri, Nurul Natasha Roshafian & Nurauliani Jamlus Rafdi. 2020. Penglibatan Mahasiswa dalam Perniagaan Dropship: Kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<http://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/4/3> [24 November 2022].

Shakirat Haroon. 2014. Client-Server Model.

https://www.researchgate.net/publication/271295146_Client-Server_Model [25 Disember 2022]

Thomas Hamilton. 2022. Agile Methodology: What is Agile Model in Software Testing?, 17 September. <https://www.guru99.com/agile-scrum-extreme-testing.html> [13 November 2022]

TutorialsPoint. 2019. Introduction to UML diagrams <http://www.tutorialspoint.com/uml> [10 Disember 2022]

Zaleha Yazid, Che Aniza Che Wel & Nor Aisah Omar. 2016. Persepsi Mahasiswa Terhadap Urusan Pembelian Atas Talian. http://journalarticle.ukm.my/10889/1/Artikel-3_Zaleha-Yazid_FEP.pdf [23 November 2022]

Mohamad Rahimi Bin Sh Ab Razak (A179611)

PM Dr. Mohammad Faidzul Nasrudin

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia